

BEPROSONE CREAM 0.064% W/W

Betamethasone Dipropionate (0.064% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beprosone Cream
2. Bagaimana Beprosone Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beprosone Cream
4. Cara menggunakan Beprosone Cream
5. Semasa menggunakan Beprosone Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beprosone Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Beprosone Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Beprosone Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Beprosone Cream

Beprosone Cream digunakan untuk merawat keradangan atau kegatalan yang disebabkan oleh beberapa keadaan kulit seperti reaksi alahan, ekzema (kemerahan, bengkak, cecair meleleh, pengupingan yang boleh menjadi sisik) dan psoriasis (kawasan menjadi merah, tebal, kasar, dan diliputi dengan sisik halus yang kering dan berwarna perak).

Bagaimana Beprosone Cream berfungsi

Beprosone Cream mengandungi ubat yang dipanggil betamethasone dipropionate. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *steroid* yang mempunyai tindakan anti-inflamatori, melegakan kegatalan dan menyempitkan saluran darah.

Sebelum menggunakan Beprosone Cream

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna ubat ini sekiranya anda alah (hipersensitif) terhadap betamethasone dipropionate, kortikosteroid lain atau mana-mana komponen bahan asas Beprosone Cream.

Kehamilan dan penyusuan badan

Jangan guna ubat ini jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil.

Jangan guna ubat ini jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum menggunakan Beprosone Cream

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Tentang keadaan kesihatan anda, segala alahan, dan semua ubat yang sedang anda gunakan.
- Jika anda menghadapi sebarang jangkitan kulit yang lain.
- Jika anda menghidap penyakit diabetes (kencing manis). Ubat *steroid* mungkin meningkatkan paras gula dalam darah atau air kencing. Doktor anda juga mungkin perlu mengubah dos ubat diabetes.
- Jika anda sapu krim ini di bawah balutan kedap udara termasuk napkin bayi, balutan ini akan menyebabkan bahan aktif ubat ini

lebih mudah diserap melalui kulit. Akibatnya, mungkin secara tidak sengaja anda akan menggunakan Beprosone Cream dengan berlebihan.

Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli di kaunter, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Cara menggunakan Beprosone Cream

Sentiasa guna ubat ini seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak harus digunakan

Sapukan satu lapisan yang nipis pada bahagian kulit yang terjejas sekali atau dua kali sehari sebagaimana yang telah diarahkan oleh doktor dan ahli farmasi.

Bila perlu digunakan

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Berapa lama perlu digunakan

Gunakan secara tetap untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Hubungi doktor atau ahli farmasi anda sekiranya keadaan kulit anda tidak bertambah baik selepas beberapa hari rawatan atau jika keadaan bertambah teruk selepas menggunakan Beprosone Cream.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim pada masa yang ditetapkan, gunakan ia sebaik sahaja anda mengingatnya.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan ubat ini berlebihan, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Semasa menggunakan Beprosone Cream

Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan penggunaan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda bahawa anda sedang menggunakan Beprosone Cream.

Hubungi doktor jika anda mengalami penglihatan yang kabur atau gangguan penglihatan yang lain.

Basuh tangan anda sebelum dan selepas menggunakan ubat ini, kecuali jika anda menggunakannya untuk merawat kulit di tangan anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan beri ubat ini kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai tanda-tanda atau keadaan yang sama seperti anda.
- Jangan guna pada atau di sekeliling mata
- Jangan guna lebih daripada dos yang disarankan melainkan dibenarkan oleh doktor anda
- Jangan tutup bahagian kulit yang sedang dirawat kecuali jika diarahkan oleh doktor anda. Menutup bahagian tersebut mungkin meningkatkan jumlah ubat yang menyerap ke dalam kulit yang boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini.
- Jangan guna pada kanak-kanak tanpa nasihat doktor. Kanak-kanak mungkin menyerap ubat ini dengan lebih banyak melalui kulit (disebabkan nisbah luas permukaan kulit kepada berat badan yang besar) dan lebih cenderung untuk mendapat kesan sampingan. Ubat ini juga mungkin

membantutkan pertumbuhan kanak-kanak.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Hentikan penggunaan jika berlaku kerengsaan atau kepekaan dan dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Elakkan guna ubat ini pada luka yang terdedah. Elakkan guna ubat ini pada bahagian muka, ketiak, atau pangkal paha tanpa arahan doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Beprosone Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Beprosone Cream mengandungi chlorocresol yang boleh menyebabkan reaksi alahan.

Kesan sampingan tempatan yang dilaporkan ialah rasa terbakar, rasa gatal-gatal, kerengsaan, kekeringan, *folliculitis* (inflamasi pada akar rambut), pertumbuhan rambut yang banyak, jerawat, kulit menjadi lembut, perubahan warna kulit, jangkitan kedua, tanda regangan, ruam panas dan penglihatan kabur.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Beprosone Cream

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya.

Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Beprosone Cream adalah krim berwarna putih. Ia boleh didapati dalam tiub berisi 15g.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Betamethasone dipropionate 0.064% w/w (setara dengan 0.05% w/w betamethasone)
- Bahan tidak aktif:
Chlorocresol, liquid paraffin, phosphoric acid, macrogol cetostearyl ether (cetomacrogol 1000), white soft paraffin, cetostearyl alcohol, monobasic sodium phosphate (sodium dihydrogen phosphate dihydrate), propylene glycol, dan purified water.

Nombor MAL

MAL19870597AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

14/07/2021

Nombor siri:

NPRA(R2/1)210712/706